

Headline	Gerak hati sudah jangka		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	Badrila Jamlus	AdValue	RM 10,669
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,007



Gerak hati sudah jangka

■ Balu jemaah haji meninggal dunia di Makkah berdoa diberi kekuatan

Daripada Badrila Jamlus
di Makkah

“**A**rwah pergi dengan sekelip mata kerana saya baru saja bersamanya menikmati makan malam selepas solat Isyak dan hanya mengetahui dia tiba-tiba sakit apabila pintu bilik saya diketuk kakitangan Tabung Haji yang meminta buku rekod kesihatannya jam 11.30 malam.

“Kepada anak-anak, mak di sini Insya-Allah sihat, sentiasa doakan mak di sini dan bacalah al-Quran selalu serta hadiahkan doa pada abah,” kata Rosnamsiati Mohd Daham, 59, balu kepada Hashim Abdul Latif, 60, yang meninggal dunia akibat masalah jantung di sini, Sabtu lalu.

Walaupun dia reda dengan pemergian suaminya itu, di

sebalik hati kecil ibu kepada lima orang anak itu tersimpan perasaan sedih kehilangan insan tersayang dan mengharapkan doa daripada anak-anak untuk memberinya kekuatan bagi meneruskan ibadat haji.

Mengimbas kembali kejadian itu, Rosnamsiati yang kelihatan tabah ketika ditemui berkata, dia bersama arwah suaminya sudah menunaikan ibadat umrah dan pada hari kejadian, suaminya sempat menunaikan solat Jumaat sebelum pulang ke bilik penginapan.

Pada malam kejadian, dia sempat menunaikan solat Isyak di Masjidil Haram dan pulang menikmati makan

malam bersama sebelum kembali ke bilik untuk berehat serta tidak melihat sebarang perubahan pada diri arwah.

“Pada malam kejadian, saya sempat memasuki bilik arwah dan dimaklumkan rakan sebiliknya arwah tiba-tiba jatuh di dalam bilik air serta terus pengsan.

“Rakannya melaporkan kejadian kepada pihak Tabung Haji dan hati kecil saya sudah menjangka arwah sudah tiada selepas melihat doktor di dalam biliknya,” katanya sambil menambah arwah seorang yang peramah kerana bekerja di syarikat insurans dan ramai rakannya tidak mengetahui beliau meninggal dunia.

Ketika ditanya sama ada

arwah suaminya mempunyai sejarah penyakit jantung, Rosnamsiati berkata, arwah pernah mendapatkan pemeriksaan di hospital selepas mengadu sakit dada ketika berjoging, tetapi penyakitnya gagal dikesan cuma kadar kandungan gula di dalam tubuhnya agak tinggi.

Arwah Hashim Abdul Latif, 60, yang berasal dari Lot 50721, Regat Rapat Jaya, Kampung Rapat Jaya, Ipoh, disahkan meninggal dunia di Klinik Maktab 100, Rehab Janadriyyah jam 12.01 pagi Sabtu dan dikebumikan di tanah perkuburan Ma’la di Makkah selepas solat Zuhur.

